

28 MAR 1996

Mahathir - Alam

ALAM SEKITAR: MALAYSIA PATUT CONTOHI N. ZEALAND, KATA PM

Oleh: Ali Mamat

AUCKLAND, 28 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia patut mencontohi rakyat New bergantung semata-mata kepada kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, rakyat New Zealand amat menghargai kebersihan alam sekitar sehinggakan air daripada kebanyakan sungai dan tasiknya begitu jernih, tidak berlumpur dan di sesetengah tempat khabarnya boleh terus diminum.

"Mereka juga mengutamakan kebersihan halaman rumah masing-masing dan mengambil daya usaha sendiri untuk mengindahkan pemandangan di sepanjang jalan-jalan raya," katanya kepada wartawan Malaysia yang mengikuti lawatan beliau selama empat hari ke New Zealand, di sini.

Semasa berada di negara ini, Dr Mahathir telah mengambil kesempatan melawat Tasik Taupo, sebuah kawasan peranginan di selatan bandaraya ini yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi serta kebersihan dan kejernihan air tasik serta sungai-sungai di sekitarnya.

Beliau juga dibawa menaiki feri pesiaran "MV Osprey" dari Dermaga Hobsonville ke Dermaga Viaduct Basin di sini untuk meninjau kebersihan dan keindahan pantai dan air lautnya.

Dr Mahathir yang ternyata amat kagum dengan pencapaian New Zealand dalam bidang kelautan seterusnya berkata, Malaysia juga boleh menimba banyak pengetahuan daripada negara Pasifik Selatan ini dalam bidang industri teknologi komposit dan pembinaan bot.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata, New Zealand boleh mencapai kedudukan sebagai sebuah negara maju dan kaya kerana ia sanggup membersihkan hutan rimbanya untuk ditanam dengan rumput bagi dijadikan ladang ternakan biri-biri dan lembu.

"Tanpa menebang pokok-pokok di hutannya, adalah mustahil New Zealand dapat maju dan menjadi kaya," katanya.

Dalam hubungan yang sama, Dr Mahathir berkata; "Kita juga memerlukan kawasan untuk membina rumah, industri dan ladang-ladang."

Mengenai hasil lawatannya ke sini, beliau percaya New Zealand kini benar-benar berminat untuk menjalin hubungan baik dengan Malaysia dan negara-negara Asia yang lain.

`New Zealand kini sedar bahawa jalinan kerjasama dengan Malaysia banyak memanfaatkan kedua-dua pihak.

"... dan usaha untuk mendekati Asia itu bukan sahaja kerana ekonomi rantau itu sedang berkembang pesat tetapi mereka mendapati kaitan mereka dengan Eropah sudah renggang, terutama selepas terbentuknya Kesatuan Eropah," kata beliau.

-- Bernama.

AM AHH